

باب الأبواب والعلق للكعبة والمساجد قال أبو عبد الله وقال لي عبد الله بن محمد حدثنا سفيان عن ابن جريج قال قال لي ابن أبي مليكة يا عبد الملك لو رأيت مساجد ابن عباس وأبوابها

54- Bab Pintu-Pintu Dan Penyelak Pintu Ka'bah Dan Masjid-Masjid.⁷²⁹ Abu 'Abdillah Berkata: 'Abdullah Bin Muhammad Berkata Kepadaku⁷³⁰: Sufyan

mengambil atau menggunakan sesuatu untuk meredakan kesakitan yang dialami, seperti mengikat kepala ketika mengalami sakit kepala dan lain-lain. (3) Sebelum wafat Rasulullah s.a.w. menderita kesakitan selama beberapa hari. Menurut Ibnu Rajab lebih sepuluh hari. (4) Untuk menyatakan sesuatu perkara penting, Nabi s.a.w. biasanya naik ke atas mimbar. (5) Apabila naik ke atas mimbar untuk memberi ucapan, Nabi s.a.w. biasanya berucap sambil berdiri. Tetapi dalam keadaan uzur seperti dalam peristiwa ini, Beliau berucap sambil duduk. (6) Sebelum menyampaikan sesuatu yang hendak disampaikan di atas mimbar, Rasulullah s.a.w. terlebih dahulu akan memuji-muji Allah. (7) Seseorang pemimpin masyarakat, ketua negara, guru dan sebagainya tidak patut melupai jasa dan sumbangan yang telah diberikan oleh mana-mana pengikut atau anak buahnya. Terutamanya orang yang paling banyak berkorban dan menghulurkan sumbangan dari kalangan mereka. Elok sekali kalau orang-orang seperti itu diberikan sesuatu sebagai penghormatan dan penghargaan terhadap sumbangan-sumbangan yang telah diberikan mereka. Tidak salah juga kalau jasa-jasanya disebut di hadapan orang ramai demi meyakinkan mereka tentang kelayakannya dalam menerima beberapa keistimewaan daripada pihak atasan. (8) Sama seperti hadits sebelumnya, hadits ini juga mengandungi perintah Rasulullah s.a.w. supaya semua pintu ditutup kecuali pintu Abu Bakar. Maksud di sebalik perintah itu dikeluarkan, telah pun diberi pada perkara (12) hingga (16) dibawah tajuk **Antara pengajaran, panduan dan hukum** hadits sebelum ini. (9) Kedudukan khalil lebih tinggi daripada kawan, saudara, teman dan lain-lain perkataan yang menunjukkan perhubungan istimewa di antara seseorang dengan seseorang yang lain. (10) Hadits ini dengan jelas menyatakan bahawa hubungan kasih sayang Islam yang terjalin di antara Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar adalah melebihi kasih sayang Baginda s.a.w. dengan orang-orang yang lain.

⁷²⁹ Imam Bukhari mengadakan bab ini untuk menjelaskan beberapa perkara berikut: (1) Hukum memasang pintu dan penyelak pintu masjid. (2) Hukum menutup pintu masjid. (3) Adakah menutup pintu masjid bererti menghalang orang ramai daripada beribadat? Adakah ia termasuk dalam firman Allah ini:

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنْ مَنَعَ مَسْجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذَكَّرَ فِيهَا اسْمُهُ وَسَعَىٰ فِي خَرَابِهَا أُولَٰئِكَ مَا كَانَ لَهُمْ أَنْ يَدْخُلُوهَا إِلَّا خَائِفِينَ ۚ لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ وَلَهُمْ فِي الْآخِرَةِ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾

Bermaksud: Dan siapakah yang lebih zalim daripada orang-orang yang menyekat dan menghalangi (orang ramai) dari menggunakan masjid-masjid Allah untuk (bersembahyang dan) menyebut nama Allah di dalamnya, dan ia berusaha pula untuk meruntuhkan masjid-masjid itu? Orang-orang yang demikian, tidak sepatutnya masuk ke dalam masjid-masjid itu melainkan dengan rasa takut (kepada Allah, bukan dengan cara yang mereka lakukan itu). Mereka (dengan perbuatan itu) akan beroleh kehinaan di dunia, dan di akhirat kelak mereka mendapat azab seksa yang amat besar. (Al-Baqarah: 114). (4) Apakah amalan sahabat dalam perkara ini? Memasang pintu masjid dengan penyelaknya dalam keadaan biasa adalah sesuatu yang diharuskan. Memasang pintu masjid untuk menyempurnakan binaannya, mencantikkannya dan memelihara kebersihannya pula dikira sesuatu yang elok. Tetapi kalau barang-barang berharga di dalam masjid tidak terpelihara melainkan dengan memasang atau menutup pintunya, maka pada ketika itu hukum memasang pintu masjid dan menyelaknya adalah wajib. Begitu juga dengan hukum membuka dan menutup pintu masjid. Dalam keadaan ada mashlahat dan keperluan, menutup pintu masjid tidak bererti menghalang orang ramai daripada beribadat dan ia sama sekali tidak termasuk dalam firman Allah s.w.t. itu. Amalan para sahabat dalam perkara ini amat jelas. Masjid-masjid yang dibangunkan mereka juga mempunyai pintu dan penyelak. Hal ini dapat dilihat umpamanya di dalam atsar Ibnu 'Abbaas yang dikemukakan oleh Bukhari di dalam tajuk bab di atas. Imam Bukhari nampaknya mahu membuktikan sekurang-kurangnya keharusan memasang pintu berserta penyelaknya di setiap masjid. Tetapi beliau mengemukakan hanya hadits yang menyabitkan adanya pintu Ka'bah dan penyelaknya. Tidak ada hadits lain dikemukakan oleh beliau untuk membuktikan adanya pintu dan penyelak pintu pada masjid-masjid yang lain. Soalnya apakah qaedah yang diguna pakai oleh Bukhari di sini untuk membuktikan kebenaran da'waannya? Ada dua

Meriwayatkan Kepada Kami Daripada Ibnu Juraij, Katanya: Ibnu Abi Mulaikah Pernah Berkata Kepadaku: "Wahai 'Abdul Malik! Kalaulah Engkau Melihat Masjid-Masjid Ibnu 'Abbaas Dan Pintu-Pintunya."⁷³¹

٤٤٨ - حَدَّثَنَا أَبُو النُّعْمَانِ وَقُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ قَالَا حَدَّثَنَا حَمَّادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ أَيُّوبَ عَنْ نَافِعٍ عَنْ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَدِمَ مَكَّةَ فَدَعَا عُثْمَانَ بْنَ طَلْحَةَ فَفَتَحَ الْبَابَ فَدَخَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَبِلَالٌ وَأُسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ وَعُثْمَانُ بْنُ طَلْحَةَ ثُمَّ أَغْلَقَ الْبَابَ فَلَبِثَ فِيهِ سَاعَةً ثُمَّ خَرَجُوا قَالَ ابْنُ عُمَرَ فَبَدَرْتُ فَسَأَلْتُ بِلَالًا فَقَالَ صَلَّى فِيهِ فَقُلْتُ فِي أَيِّ قَالَ بَيْنَ الْأَسْطُرَاتَيْنِ قَالَ ابْنُ عُمَرَ فَذَهَبَ عَلَيَّ أَنْ أَسْأَلَهُ كَمْ صَلَّى

448- Abu an-Nu'man dan Qutaibah bin Sa'id meriwayatkan kepada kami, kata mereka berdua: Hammaad bin Zaid meriwayatkan kepada kami daripada Ayyub daripada Naafi' daripada Ibnu 'Umar bahawa Nabi s.a.w. pergi ke Mekah. Baginda s.a.w memanggil 'Utsman bin Thalbah.⁷³² 'Utsman pun membuka pintu Ka'bah. Nabi s.a.w. masuk (ke dalam Ka'bah) bersama-sama dengan Bilal, Usamah bin Zaid dan

jawabannya. Pertama: Atsar Ibnu 'Abbaas yang dikemukakan di dalam tajuk bab itu bagi Bukhari sudah memadai sebagai buktinya. Kedua: Imam Bukhari memakai qaedah qias di sini. Beliau mengqiaskan masjid-masjid lain dengan Ka'bah. Kalau Ka'bah yang merupakan masjid paling istimewa dan pusat sekalian masjid yang lain di dunia ini juga mempunyai pintu dan penyelak pintu, masjid-masjid yang lain itu tentulah lebih lagi boleh ada pintu dan penyelaknya.

⁷³⁰ Kirmaani berkata, perkataan قال لي (berkata kepadaku) lebih rendah darjatnya daripada حدثني. Sebabnya ialah boleh jadi Bukhari mengambilnya secara muzakarah dan muhawarah. Bukan secara naqal (nukilan secara sah) dan tahammul (menerima hadits secara rasmi atau formal).

⁷³¹ Kata-kata Ibnu Abi Mulaikah kepada Ibnu Juraij ini jelas tergantung. Semestinya ada sesuatu yang mahzuf (dibuang) di sini. Sst yang dibuang itu boleh jadi "tentulah engkau akan kagum dan terpesona dengan kecantikan, kebersihan dan kekukuhan" atau lain-lain seumpamanya. Kebanyakan pensyarah seperti Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini dan lain-lain mengatakan, pada ketika Ibnu Abi Mulaikah menceritakan kepada Ibnu Juraij itu masjid-masjid Ibnu 'Abbaas telah pun musnah dan lenyap. Kerana itu tidak ada harapan lagi untuk Ibnu Juraij melihatnya sendiri. Tetapi Maulana Rasyid Ahmad Ganggohi berpendapat tidak mungkin masjid-masjid Ibnu 'Abbaas yang dibina dengan begitu teguh telah musnah ketika Ibnu Abi Mulaikah menceritakan kepada Ibnu Juraij. Sebabnya ialah Ibnu 'Abbaas wafat pada tahun 68H. Ibnu Juraij lahir pada tahun 80H. Kalau mengikut pendapat orang-orang yang mengatakan umur Ibnu Juraij melebihi seratus tahun, maka seharusnya dia lahir pada tahun 50H. Ibnu Abi Mulaikah pula wafat pada tahun 117H. Ibnu Abi Mulaikah dan Ibnu Juraij kedua-duanya adalah tokoh di Mekah. Masjid Ibnu 'Abbaas pula terletak di Tha'if. Mungkin pada ketika Ibnu Abi Mulaikah berkata begini, Ibnu Juraij belum lagi melihat masjid Ibnu 'Abbaas di Tha'if itu. Pada pandangan penulis, pendapat yang diberikan oleh al-Ganggohi itu memang ada kewajarannya. Tetapi Ibnu Abi Mulaikah tidak semestinya menceritakan tentang masjid Ibnu 'Abbaas di Tha'if itu semata-mata. Tha'if bukannya jauh sangat dari Mekah. Ia terletak kira-kira 99 kilometer sahaja dari Mekah. Agak tidak masuk akal mengatakan seorang yang masyhur di Mekah seperti Ibnu Juraij tidak pernah sampai ke Tha'if. Atsar yang dikemukakan oleh Bukhari di atas menyebutkan beberapa buah masjid Ibnu 'Abbaas, bukan sebuah sahaja. Adakah mesti semua masjid Ibnu 'Abbaas itu terletak di Tha'if? Ibnu Abi Mulaikah mungkin juga memaksudkan masjid-masjid Ibnu 'Abbaas yang terletak di tempat-tempat lain selain di Tha'if. Bukankah Ibnu 'Abbaas juga pernah menjadi gabenor di Iraq di zaman pemerintahan Saiyyidina 'Ali? Jika masjid-masjid di tempat lain itulah yang dimaksudkan oleh Ibnu Abi Mulaikah, patutlah dia berkata kepada Ibnu Juraij: "Wahai 'Abdul Malik! Kalaulah engkau melihat masjid-masjid Ibnu 'Abbaas dan pintu-pintunya."

⁷³² Beliau ialah pemegang anak kunci Ka'bah. Memeluk agama Islam setelah berlakunya perjanjian damai di antara Rasulullah s.a.w. dan orang-orang kafir Quraisy Mekah di Hudaibiah. Setelah anak kunci Ka'bah diserahkan oleh Rasulullah s.a.w. kepadanya dan keluarganya, beliau terus hidup bersama Rasulullah s.a.w. di Madinah sehingga Baginda wafat. Selepas itu beliau berpindah ke Mekah dan meninggal dunia di sana pada tahun 42H.

'Utsman bin Thalhah. Setelah dikunci pintu Ka'bah itu (dari dalam),⁷³³ Nabi s.a.w. berada seketika di dalamnya. Kemudian mereka semua keluar. Ibnu 'Umar berkata: "Aku pun bersegera mendapatkan mereka. Aku bertanya Bilal (tentang sembahyang Rasulullah s.a.w. di dalam Ka'bah). Bilal berkata: "Nabi s.a.w. telah bersembahyang di dalamnya". Aku bertanya lagi: "Di bahagian mana?". Bilal menjawab: "Di antara dua tiang". Ibnu 'Umar berkata: "Tetapi aku terlepas untuk bertanya Bilal, berapa raka'atkah Nabi s.a.w. telah bersembahyang (di dalam Ka'bah)."⁷³⁴

⁷³³ Dari sinilah Imam Bukhari memahami keharusan menutup dan mengunci pintu masjid. Kalau pintu Ka'bah boleh dikunci, pintu-pintu masjid lain lebih-lebih lagi boleh dikunci apabila ada keperluan dan mashlahat tertentu. Para 'ulama' berbeza pendapat tentang sebab pintu Ka'bah ditutup apabila Rasulullah s.a.w. dan sahabat-sahabat yang tersebut di dalam hadits ini masuk ke dalamnya. Antara sebab yang dikemukakan oleh mereka ialah: (1) Supaya Rasulullah s.a.w. boleh berada dengan tenang di dalamnya tanpa sebarang gangguan atau kesesakan. (2) Kalau dibiarkan orang ramai juga masuk ke dalamnya, mungkin mereka menganggap segala perbuatan yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. di dalamnya sebagai ibadat yang dituntut. Padahal banyak daripada perbuatan Baginda di dalam Ka'bah ketika fathi Makkah (pembukaan Mekah) itu merupakan tuntutan semasa yang tiada kaitan langsung dengan ibadat. Seperti membersihkan Ka'bah daripada berhala-berhala, menghilangkan lukisan-lukisan zaman jahiliyah dan lain-lain. (3) Dengan menutup pintu dari dalam Rasulullah dapat melihat dan meninjau dengan teliti mana-mana bahagian di sebelah dalam Ka'bah yang perlu diperbaiki atau dibersihkan. (4) Supaya orang ramai tidak menganggap sunat atau digalakkan masuk ke dalam Ka'bah apabila pergi ke Masjid al-Haram.

⁷³⁴ Kenyataan Ibnu 'Umar di sini jika dilihat secara sepintas lalu kelihatan bercanggah dengan kenyataannya di dalam hadits 382 di bawah Bab Firman Allah Ta'ala: "Dan Jadikanlah Tempat Sembahyang Bermula Dari Maqam (Nabi) Ibrahim." Di sini beliau berkata: "Tetapi aku terlepas untuk bertanya Bilal, berapa raka'atkah Nabi s.a.w. telah bersembahyang (di dalam Ka'bah)." Sedangkan di dalam hadits 382 itu beliau bertanya Bilal: "Adakah Nabi s.a.w. telah bersembahyang di dalam Ka'bah?" Jawab Bilal: "Ya, dua raka'at di antara dua tiang yang berada di sebelah kirimu apabila engkau masuk (ke dalam Ka'bah)." Tetapi jika diteliti betul-betul, tidak akan didapati percanggahan dan pertentangan di antara dua kenyataan Ibnu 'Umar itu. Memang benar kata Ibnu 'Umar bahawa beliau terlepas untuk bertanya Bilal, berapa raka'atkah Nabi s.a.w. telah bersembahyang (di dalam Ka'bah). Beliau hanya bertanya Bilal sama ada Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang atau tidak di dalam Ka'bah. Itu saja. Oleh Bilal dijawabnya dengan jawapan yang terperinci melebihi soalan Ibnu 'Umar, iaitu bukan sahaja Rasulullah s.a.w. telah bersembahyang di dalamnya, malah Baginda s.a.w. telah bersembahyang dua raka'at di antara dua tiang yang berada di sebelah kirimu apabila engkau masuk (ke dalam Ka'bah). Jawapan yang ringkas dan tepat untuk soalan Ibnu 'Umar itu ialah "Ya". Di mana ada soalan Ibnu 'Umar untuk jawapan Bilal seterusnya? Tiada! **Antara pengajaran dan panduan** yang terdapat di dalam hadits ini ialah: (1) Masjidil Haram atau Ka'bah secara khususnya mempunyai pintu. Bukan sekadar mempunyai pintu semata-mata, malah pintunya itu mempunyai penyek atau kunci. (2) Dalam keadaan ada keperluan dan mashlahat, pintu masjid boleh dikunci, sama ada dari dalam atau dari luar. (3) 'Utsman bin Thalhah dan keluarganya adalah penjaga kunci pintu Ka'bah semasa jahiliyah lagi. Selepas pembukaan Mekah, Rasulullah s.a.w. terus mengekalkannya dan keluarganya dengan tugas itu. (4) Rasulullah s.a.w. masuk (ke dalam Ka'bah) semasa pembukaan Mekah bersama-sama dengan Bilal, Usamah bin Zaid dan 'Utsman bin Thalhah. (5) Rasulullah s.a.w. tidak membenarkan orang-orang lain masuk bersama Baginda pada ketika itu kerana adanya mashlahah-mashlahah tertentu. (6) Tidak begitu lama nabi s.a.w. berada di dalam Ka'bah dalam peristiwa pembukaan Mekah. Tetapi berdasar riwayat ini sempat juga Baginda bersembahyang di dalamnya. (7) Ibnu 'Umar adalah antara sahabat yang sangat mengambil berat tentang apa saja yang dikerjakan oleh Rasulullah s.a.w. di mana-mana tempat. Tujuannya tidak lain melainkan untuk menghayati sunnah Rasulullah s.a.w. semata-mata. Bagi beliau ittibaa' shuri tidak kurang pentingnya dari ittibaa' haqiqi dalam penghayatan sunnah Rasulullah s.a.w. (8) Bagi Imam Bukhari hadits ini merupakan sebaik-baik sandaran untuk mengqiaskan keharusan menutup pintu-pintu masjid yang lain.

55- Bab Orang Musyrik Masuk Ke Dalam Masjid.⁷³⁵

⁷³⁵ Bab ini diadakan Bukhari untuk menyatakan hukum orang musyrik masuk ke dalam masjid. Para ulama berbeza pendapat dalam masalah ini. Oleh kerana masing-masing pihak mempunyai dalil yang agak kuat, Bukhari tidak memutuskan hukumnya. Walaupun pada pendapat beliau sendiri, ia adalah harus. Tetapi beliau tetap tidak mengutarakannya secara terang dengan berkata misalnya: *بَابُ جَوَازِ دُخُولِ الْمُشْرِكِ الْمَسْجِدَ*. Cara seperti ini merupakan salah satu adab dan disiplin yang diguna pakai oleh Bukhari di sepanjang penyusunan kitab Sahihnya ini. Para ulama hadits mengetahui mazhab imam Bukhari dalam sst masalah, biasanya menerusi hadits yang dikemukakan oleh beliau di bawah bab-bab tertentu. Bab di atas sebagai contoh, walaupun tidak mengandungi keputusan Bukhari tentang hukum orang musyrik masuk ke dalam masjid, namun hadits yang dikemukakan oleh beliau di bawahnya jelas menunjukkan keharusannya. Perincian mazahib mujtahidin berserta dalil-dalil dan hujah-hujah mereka dalam masalah ini adalah seperti berikut: (1) Imam Malik, al-Muzani dan lain-lain berpendapat orang musyrik tidak harus masuk ke dalam semua masjid yang terdapat di dunia ini. Sama ada ia Masjidil Haram, Masjid nabi s.a.w. atau masjid-masjid yang lain. Antara dalil dan hujah mereka ialah dua ayat al-Qur'an berikut ini. Pertamanya ialah:

ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظِمِ شَعِيرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ ﴿٣٢﴾

Bermaksud: Demikianlah (ajaran Allah); dan sesiapa yang menghormati syiar-syiar ugama Allah maka sesungguhnya perbuatan itu timbul dari ketaqwaan hati (orang mu'min). (Surah al-Hajj: 32). Kata mereka: "Tdk membenarkan orang kafir masuk ke dalam masjid juga merupakan satu tindakan menghormati syiar-syiar ugama Allah. Setelah kita tidak membenarkan orang Islam yang berjunub dan berhaidh masuk ke dalam masjid kerana ketiadaan kelayakan mereka bersembahyang untuk sementara waktu, bagaimana kita akan membenarkan orang kafir yang langsung tidak ada kelayakan itu. Mereka lebih patut tidak dibenarkan. Dan keduanya pula ialah:

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَبُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَذَا وَإِنْ خِفْتُمْ عِيلَةً فَسَوْفَ يُغْنِيكُمْ اللَّهُ مِنْ

فَضْلِهِ إِنْ شَاءَ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٣١﴾

Bermaksud: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya (kepercayaan) orang-orang kafir musyrik itu najis, oleh itu janganlah mereka menghampiri Masjid Al-Haraam sesudah tahun ini (tahu kesembilan); dan jika kamu bimbangkan kepapaan, maka Allah akan memberi kekayaan kepadamu dari limpah kurniaNya, jika Dia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. (At-Taubah: 28). Kalau Allah melarang orang-orang kafir musyrik masuk ke dalam Masjid Al-Haraam kerana kenajisan kepercayaan mereka, seharusnya mereka juga dilarang daripada memasuki masjid-masjid lain. Ini kerana hukum masjid adalah sama. (2) Khalifah 'Umar bin 'Abdul 'Aziz, Imam Syafi'e, Ahmad, Muhammad bin Hasan as-Syaibaani dan lain-lain ulama membezakan di antara Masjid Al-Haraam dan bukan Masjid Al-Haraam. Orang-orang kafir pada pandangan mereka tidak dibenarkan masuk ke dalam Masjid Al-Haraam sahaja berdasarkan ayat kedua yang telah diberikan di atas. Adapun masjid-masjid lain, mereka diharuskan memasukinya dengan kebenaran orang-orang Islam di samping menjaga adab-adab yang sewajarnya dijaga. Antara dalil mereka ialah hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab di atas. (3) Imam Ahmad dalam satu riwayat yang lain daripada beliau berpendapat orang-orang kafir musyrik bukan sahaja dilarang memasuki Masjid Al-Haraam, malah mereka juga dilarang daripada memasuki tanah haram berdasarkan ayat kedua di atas. Ini kerana sering kali digunakan perkataan al-Masjid al-Haraam di dalam al-Qur'an dan hadits-hadits tetapi yang dimaksudkan ialah tanah haram secara keseluruhannya. Adapun masjid-masjid yang lain, mereka tidak dilarang memasukinya. (4) Imam Bukhari, Abu Hanifah, Ibnu al-Munzir dan orang-orang yang sependapat dengan mereka berdua mengatakan orang kafir sama ada ahli kitab atau bukan ahli kitab tidak dilarang memasuki mana-mana masjid pun di dunia ini. Mereka harus (boleh) memasuki semua masjid, termasuk Masjid al-Haraam. Mereka juga harus dibawa masuk ke dalam masjid dan berada di dalamnya kerana maksud-maksud tertentu. Dua ayat yang dikemukakan di atas bagi mereka tidak boleh dijadikan hujah. Kerana ia tidak ada kena mengena langsung dengan orang kafir masuk ke dalam masjid. Ayat kedua sepintas lalu membayangkan larangan terhadap orang-orang kafir memasuki al-Masjid al-Haraam. Secara tidak langsung ia melarang orang-orang Islam membenarkan orang-orang kafir memasukinya. Tetapi kalau direnung ayat itu dengan saksama dan diambil kira juga asbab an-nuzulnya, ia sebenarnya tidak ada kena mengena langsung dengan orang

٤٤٩ - حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ سَعِيدِ بْنِ أَبِي سَعِيدٍ أَنَّهُ سَمِعَ أَبَا هُرَيْرَةَ يَقُولُ بَعَثَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ خَيْلًا قَبْلَ نَجْدٍ فَجَاءَتْ بِرَجُلٍ مِنْ بَنِي حَنِيفَةَ يُقَالُ لَهُ تُمَامَةُ بْنُ أُثَالٍ فَرَبَطُوهُ بِسَارِيَةٍ مِنْ سَوَارِي الْمَسْجِدِ

449- Qutaibah meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada Sa'id bin Abi Sa'id bahawa dia telah mendengar Abu Hurairah berkata: "Rasulullah s.a.w. telah menghantar satu pasukan berkuda ke arah Najd. Pasukan itu membawa pulang seorang lelaki (sebagai tawanan) dari qabilah Bani Hanifah bernama Tsumaamah bin Utsaal. Mereka pun mengikatnya di salah satu tiang masjid."

kafir masuk ke dalam Masjid al-Haram atau masjid-masjid yang lain. Ayat itu sesungguhnya melarang orang-orang kafir memasuki al-Masjid al-Haram untuk berthawaf dan melakukan ibadat-ibadat haji yang lain selepas tahun kesembilan iaitu tahun turunnya ayat tersebut. Pada tahun kesembilan itu nabi s.a.w. mengutuskan sahabat-sahabatnya di bawah pimpinan Abu Bakar dan 'Ali untuk mengisytiharkan perintah Baginda s.a.w. bahawa: *غَرَبَاتٌ وَلَا يَطُوفُ بِالْبَيْتِ غَرَبَاتٌ* Bermaksud: "Ketahuilah! Selepas tahun ini (tahun kesembilan) orang musyrik tidak boleh lagi mengerjakan haji dan orang yang bertelanjang tidak boleh lagi berthawaf di Baitillah." (Hadits riwayat Bukhari, Muslim Abu Daud, Ibnu Hibbaan, Baihaqi dan lain-lain). Mereka juga berpegang dengan hadits yang dikemukakan oleh Bukhari di bawah bab ini di samping hadits Dhimaam bin Tsa'labah yang masuk ke dalam masjid Nabi s.a.w. dengan menaiki unta tanpa bantahan dari sesiapa pun. Hadits Dhimaam ini selain diriwayatkan oleh Bukhari, diriwayatkan juga oleh Muslim, Abu Daud, Nasaa'i dan Tirmizi. Selain itu hadits-hadits tentang delegasi Tsaqif, orang-orang Kristian Najraan dan orang-orang kafir Mekah yang datang ke Madinah untuk membayar wang tebusan orang-orang yang tertawan dari kalangan mereka dalam peperangan Badar juga menjadi pegangan golongan 'ulama' ini. Semua mereka yang tersebut itu ditempatkan oleh Rasulullah s.a.w. di dalam masjidnya, di dalam khemah-khemah yang dipasang khusus untuk mereka. Abu Daud di dalam Marasalnya dan Baihaqi di dalam Sunan Kubranya telah mengemukakan semua peristiwa tersebut. Imam Ahmad, Bukhari, Muslim, Abu Daud, Nasaa'i, Ibnu Majah, Ibnu Khuzaimah, Ibnu Hibbaan, al-Baihaqi dan lain-lain tokoh hadits meriwayatkan kisah Jubair bin Muth'im yang datang ke Madinah sebagai salah seorang wakil orang-orang kafir Quraisy Mekah untuk menebus tawanan perang Badar. Ketika itu Jubair belum Islam. Kata Jubair: *فدخلت المسجد ورسول الله صلى الله عليه وسلم يصلي المغرب يقرأ بالطور فكانما صدغ عن قلبي حين سمعت القرآن* Bermaksud: "Saya pun masuk ke dalam masjid. Ketika itu Rasulullah s.a.w. sedang bersembahyang Maghrib. Beliau s.a.w. membaca surah At-Thur (di dalam sembahyang itu). Semacam terbelah hatiku ketika mendengar al-Qur'an (yang dibaca oleh Rasulullah s.a.w.). Di dalam riwayat yang lain Jubair berkata: *وذلك أول ما قرأ* Bermaksud: "Itulah kali pertama iman (Islam) memikat hatiku." Semua riwayat-riwayat ini dengan jelas menunjukkan orang-orang kafir semasa Rasulullah s.a.w. dibenarkan memasuki masjid tanpa sebarang sekatan dan halangan.